



4 Aplikasi Kewangan  
Yang Anda Patut Ada



Pelancongan dan  
Percutian Mencatat  
Aduan Kelima Tertinggi



Kenali Perbankan  
Islam Anda : Kad  
Kredit Islamik

## Melabur Dalam Skim Yang **Tidak Dilesenkan**

ISSN 2180-3684



9 772180 368003



GABUNGAN  
PERSATUAN-PERSATUAN  
PENGGUNA MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Melabur Dalam Skim Yang Tidak Dilesenkan

**M**utakhir ini, terdapat pelbagai tawaran skim pelaburan. Sekiranya anda tidak mempunyai ilmu dan maklumat tentang pelaburan, anda akan mudah tertipu dan terus melabur tanpa usul periksa. Berikut adalah tiga jenis skim yang dikategorikan sebagai skim yang tidak dilesenkan:-

## 1. Skim yang berniat untuk menipu pelabur

Pulangan pelaburan yang ditawarkan adalah melebihi kadar pasaran yang sedia ada, dan **kadar pulangan luar biasa tingginya, bersifat tetap dan menjamin pulangan wang pelaburan**. Untuk mengaburi mata pelabur dan menyulitkan penyemakan butir-butir syarikat, laman sesawang atau syarikat menggunakan nama yang tidak pernah didengar sebelum ini, atau ia baru sahaja ditubuhkan.

Kandungan laman sesawang dan maklumat yang dipaparkan sering bersifat antarabangsa dan kononnya membabitkan pelaburan di luar Negara. Sebaliknya, wang anda tidak dilaburkan di mana-mana skim pelaburan, melainkan ke dalam poket penganjur skim. Sebahagian wang pelaburan yang dikutip akan digunakan untuk membayar dividen pelabur sebelumnya, dan sudah pastinya skim ini akan terkandas apabila pengendali gagal mendapat pelabur-pelabur baharu.

Laman sesawang, media sosial serta aplikasi telefon mudah alih (seperti SMS dan *WhatsApp*) sering digunakan untuk mempromosi skim sedemikian.



## 2. Skim penipuan yang menggunakan nama bank atau syarikat tempatan yang dilesenkan

Ada antara skim pelaburan penipuan seperti ini yang menggunakan nama bank atau syarikat yang dilesenkan tanpa mendapat keizinan mereka, untuk menjalankan urusan pelaburan bagi memperdayakan pelabur. Juga dinyatakan nama individu serta organisasi tertentu yang menyokong atau turut serta dalam skim yang ditawarkan.

Justeru, adalah penting agar pelabur memastikan yang akaun dibuka atas nama mereka di bank atau syarikat berlesen itu, serta mendapat resit rasmi bayaran dan salinan borang ketika membuka akaun. Pelabur juga dinasihatkan agar menghubungi talian rasmi bank atau

# Sidang Redaksi

## Penasihat

YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason  
*Presiden FOMCA*

## Ketua Sidang Pengarang

Dato' Paul Selva Raj

## Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

## Sidang Pengarang

Siti Rahayu binti Zakaria  
Mandeep Singh  
Shabana Naseer Ahmad

*Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my) dan [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)*

## Gabungan Persatuan-Persatuan

### Pengguna Malaysia

No. 4, Jalan SS1/22A

47300 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-7876 2009

Faks : 03-7877 1076

E-mel : [fomca@fomca.org.my](mailto:fomca@fomca.org.my)

Sesawang : [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my)

### Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel : 03-2698 8044

Faks : 03-2174 1515

### Diurus terbit oleh:

### Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 4, Jalan SS1/22A

47300 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-7875 2392

Faks : 03-7875 5468

E-mel : [info@crcc.org.my](mailto:info@crcc.org.my)

Sesawang : [www.crcc.org.my](http://www.crcc.org.my)

### Dicetak oleh:

فوجیتیکي اساس جاي (مليسيا) سندرون برحد

### Percetakan Asas Jaya

(M) Sdn Bhd

No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2

Bandar Puchong Jaya

47100 Puchong Jaya

Selangor Darul Ehsan

*Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.*



**“Untuk mengaburi mata pelabur dan menyulitkan pekerjaan butir-butir syarikat, laman sesawang atau alat menggunakan nama yang tidak pernah didengar sebelum ini, atau ia baru sahaja ditubuhkan.”**

syarikat berlesen terbabit untuk mendapatkan kepastian berkenaan skim yang ditawarkan, kerana resit atau penyata boleh dipalsukan.

Selain itu, anda juga boleh menyemak dengan agensi pengawal selia sekiranya penganjur skim mengemukakan surat kelulusan atau lesen, kerana dokumen ini juga boleh dipalsukan menggunakan peralatan IT.

### **3. Individu atau syarikat yang mempunyai kepakaran dalam industri kewangan, tetapi tidak mempunyai lesen untuk memberi khidmat pelaburan**

Syarikat atau individu biasanya akan merujuk kepada kelayakan mereka, anugerah yang dimenangi atau keahlian dalam persatuan tertentu bagi menunjukkan kelayakan mereka dalam bidang kewangan. Namun



**“Sebagai pelabur bijak,  
anda hendaklah sentiasa  
berwaspada ...”**


begitu, syarikat atau individu itu perlu memegang lesen yang tertentu bagi setiap khidmat pelaburan yang ditawarkan kepada orang awam. Sebagai contoh, hanya wakil perancangan kewangan yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dibenarkan untuk menggelar diri mereka sebagai perancang kewangan dan boleh menawarkan perkhidmatan perancangan kewangan.

Adalah penting agar pelabur mendapat perkhidmatan perancangan kewangan yang menawarkan pelan kewangan yang tidak berat sebelah serta benar-benar menepati keperluan dan matlamat pelaburan mereka.

Sebagai pelabur bijak, anda hendaklah sentiasa berwaspada dan mengambil langkah wajar sebelum mengambil keputusan sama ada untuk melabur ataupun tidak.

Antara tindakan yang boleh diambil adalah dengan merujuk kepada agensi seperti Suruhanjaya Sekuriti, dan memuat turun aplikasi mudah alih, seperti *InvestSmart*, yang boleh diperolehi secara percuma dari *App Store* dan *Google Play*. Pelabur juga perlu menyemak status wakil perancangan kewangan yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dengan melayari [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my).

*Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*



**“... adalah penting agar pelabur memastikan  
yang akaun dibuka atas nama mereka  
di bank atau syarikat berlesen itu, serta  
mendapat resit rasmi bayaran dan salinan  
borang ketika membuka akaun.”**



# 4 Empat Aplikasi Kewangan Yang Anda Patut Ada

**A**nda sentiasa menyediakan belanjawan dengan niat untuk berjimat, tetapi sering kali terlupa untuk membuat rekod dan akhirnya berbelanja lebih daripada sepatutnya. Jika anda sering berada dalam situasi tersebut, berikut adalah senarai aplikasi kewangan yang boleh membantu anda dalam menguruskan kewangan anda dengan lebih mudah!

Tidak kira aplikasi apa yang anda gunakan, anda akan memperoleh kemudahan untuk mematuhi bajet anda di hujung jari! Semua aplikasi ini juga adalah percuma!

## 1. MyTabung



MyTabung ialah aplikasi yang dibangunkan oleh Bank Negara Malaysia untuk pengguna bagi memantau belanjawan, merancang dan menguruskan kewangan peribadi anda atau isi rumah secara berhemat untuk mencapai matlamat

kewangan. Aplikasi MyTabung juga turut memberi tip-tip dan nasihat kewangan kepada pengguna untuk menguruskan kewangan secara berhemat.

*Nota: Aplikasi ini hanya untuk Android dan iOS sahaja.*

## 2. MoneyWise



Jika anda ingin mengetahui perkembangan yang jelas tentang perbelanjaan anda, aplikasi ini menawarkan fungsi graf bagi perbelanjaan anda dengan pelbagai kategori yang anda boleh tentukan. Ini memudahkan

anda untuk melakukan perbandingan perbelanjaan sepanjang bulan. Aplikasi ini turut menawarkan khidmat 'backup' untuk Dropbox atau akaun e-mel anda.

*Nota: aplikasi ini hanya untuk Android sahaja*

## 3. Toshl Finance



Toshl bukan sahaja membantu anda untuk menjejak perkembangan perbelanjaan anda, ia juga mempunyai fungsi untuk membantu anda ketika melancong dengan senarai tukaran mata wang. Aplikasi ini turut mempunyai versi

laman sesawang. Oleh itu, anda tidak perlu risau tentang kehilangan data anda.

*Nota: Aplikasi ini hanya untuk Android dan iOS sahaja.*

## 4. Goodbudget



Dahulu dikenali sebagai *Easy Envelope Budget Aid* (EEBA), merupakan aplikasi pengurusan kewangan yang menawarkan fungsi sandaran dalam talian. Sekiranya anda tercicir telefon, maka anda tidak akan kehilangan data

perbelanjaan anda. Aplikasi ini juga mempunyai fungsi peringatan tentang trend perbelanjaan anda. Jadi jika perbelanjaan anda bagus, anda akan menerima mesej galakan. Begitu sebaliknya, anda akan menerima amaran.

*Nota: Aplikasi ini hanya untuk Android dan iOS sahaja.*

*Sumber: [www.CompareHero.my](http://www.CompareHero.my) dan [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)*

# KENALI PERBANKAN ISLAM ANDA

## KAD KREDIT ISLAMIK

Disediakan oleh : Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia



### Soal jawab berkenaan kad kredit Islamik



**Hafizullah Ismail**

September 5 at 9 39am

#### Soalan:

Salam Ustaz, saya ada dua kad kredit, satu konvensional dan satu lagi Islamik. Tapi sepanjang pengalaman menggunakan kad kredit Islamik, saya tak nampak mana elemen Islamiknya? Boleh ustaz tolong jelaskan?

#### Jawapan:

Memang ada perbezaan. Antaranya kad kredit Islamik tidak boleh digunakan untuk transaksi yang tidak bermoral dan bercanggah dengan nilai agama seperti urusan perjudian atau pembelian arak. Bank berhak membatalkan transaksi kad anda serta-merta sekiranya digunakan untuk tujuan tersebut.

Selain itu, ada bank yang memperkenalkan konsep menderma menggunakan mata kad kredit Islamik terkumpul untuk badan-badan kebajikan terpilih bagi kemudahan pelanggan yang ingin menderma.

Meskipun Islam mengharuskan hutang, saya nasihatkan anda supaya lebih berhati-hati dalam penggunaan kad kredit. Sejak 2010, hampir 25,000 rakyat Malaysia berumur bawah 35 tahun diisytihar muflis gara-gara hutang kad kredit.

Like Comment Share

Siti Nurul Ain Zakaria, Mohd Shah Shukree Salim and 3 others

4 Shares



**Sirvishahlee Samsir** Saya agak keliru, caj upah (*ujrah*) / keuntungan yang dikenakan bank-bank Islam tu bukan riba' ke? Sesetengah bank mengenakan caj keuntungan (*rate*) sehingga 18%. Apa bezanya dengan "*interest rate*" atau riba'?

Unlike Reply 3 September 5 at 9:59am



**Hafizullah Ismail** Upah bukan riba'. Bank-bank Islam mengenakan caj bayaran upah / keuntungan di atas perkhidmatan yang diberikan bagi mendahulukan bayaran untuk transaksi yang saudara lakukan.

Perlu difahami bahawa "*rate*" itu satu alat (mekanisme untuk pengiraan). Jika digunakan untuk mengira kadar upah, ia halal. Kalau untuk mengira "*interest*" ia haram. Sama analoginya macam gelas. Gelas sejenis alat yang digunakan untuk minum. Minum 1 liter air halal, minum 1 liter arak haram.

Like Reply 2 September 15 at 10:10am Edited



Write a reply ...

### Fakta - fakta menarik kad kredit Islamik



Bermula 1 July 2017, semua kad kredit, debit dan caj akan menggunakan konsep "Pin & Bayar" menggantikan penggunaan tandatangan



Sebarang transaksi bernilai kurang dari RM 250, pelanggan boleh menggunakan kemudahan "*paywave*"



Sesetengah bank menawarkan "*Cash Back*" bagi penggunaan kad kredit



Sesetengah bank menawarkan mata ganjaran yang boleh ditukarkan kepada hadiah



Individu berpendapatan kurang dari RM 36,000 setahun hanya boleh memiliki maksimum 2 kad kredit



**Lim Qian Pink** Saya nak tanya Ustaz. Apa perbezaan antara “*minimum amount*” dan “*outstanding balance*” dalam penyata kad kredit saya?

Unlike Reply · 4 · September 5 at 10:08am Edited



**Hafizullah Ismail** “*Outstanding balance*” atau baki tertunggak merujuk kepada jumlah terkini penggunaan kad kredit anda. Manakala “*minimum amount*” dikira berdasarkan 5% daripada jumlah “*outstanding balance*” yang perlu dijelaskan pelanggan setiap bulan.

Saya beri contoh di bawah untuk memudahkan pemahaman saudara. Semakin lama masa diambil untuk menghabiskan bayaran “*outstanding balance*”, maka semakin banyaklah jumlah ujah (caj upah) yang dikenakan oleh pihak bank.

Examples under different outstanding amount scenarios						
Outstanding balance (RM)	3,000		5,000		10,000	
Payment	Pay only minimum amount (RM150)	Pay RM250	Pay only minimum amount (RM250)	Pay RM350	Pay only minimum amount (RM500)	Pay RM600
Payment period (months)	4 years 8 months	1 year 3 months	5 years 10 months	1 years 6 months	7 years 5 months	1 years 9 months
Total profit / ujah charge (RM)	RM1,055	RM333	RM1,912	RM670	RM4,055	RM1,594



**Wafi Ahmad** Tapi yang saya kena caj lewat bayar tu apa pula?

Unlike Reply · 4 · September 5 at 10:07am



**Hafizullah Ismail** Caj lewat bayar dikenakan oleh pihak bank bagi mendisiplinkan pelanggan membayar semula hutang mereka. Jika tidak dikenakan, terdapat pelanggan yang sengaja melewatkan atau mengelak dari membayar hutang.

Saudara dikenakan caj lewat bayar sekiranya gagal membayar baki minimum dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi kad kredit Islamik, uniknyanya, caj lewat bayar tersebut adalah tidak berkompoun (*non-compounding*).

Bank-bank Islam hanya mengambil 1% dari amaun tertunggak (dengan nilai caj maksimum RM100) bagi menampung kos kerugian sebenar atas kelewatan pembayaran kad kredit. Baki selebihnya akan mereka salurkan kepada badan kebajikan.

Like Reply September 5 at 10:20 am



Write a reply ...



Write a comment...

## Perbezaan di antara Kad Debit, Kredit & Caj

	Kad Debit	Kad Debit	Kad Caj
Definisi	Kad pembayaran di mana baki di dalam akaun simpanan atau semasa pengguna akan dikurangkan serta merta mengikut jumlah urus niaga	Kad yang membenarkan pengguna berbelanja terlebih dahulu dan pengguna boleh membayar semula secara ansuran	Penggunaan kad caj adalah sama seperti kad kredit, kecuali pengguna harus menjelaskan keseluruhan baki dalam penyata sebelum tarikh tamat tempoh
Kontrak/Konsep Syariah	Ujah	Qard, Tawarruq dan Ujah	Qard dan Ujah
Contoh Operator Sistem Pembayaran	Visa, Master atau Maestro	Visa atau Master	American Express atau Diners Club

**Pelaksanaan sebenar senario ini mungkin berbeza mengikut amalan setiap bank tetapi tertakluk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.**



# Perbezaan Simpanan Shariah dan Konvensional

## Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

### Simpanan Shariah

Terbuka kepada semua yang wajib dan layak mencarum tanpa mengira agama, bangsa dan status warganegara.

Tertakluk kepada Akad Simpanan Shariah berdasarkan akad Wakalah.

Berdasarkan prestasi sebenar pelaburan patuh Syariah dan tiada jaminan kadar dividen minimum.

Diperakukan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah (JKPS).

Ahli tidak boleh membatalkan pilihannya untuk kembali ke Simpanan Konvensional selepas tarikh kuat kuasa.

Kemudahan pengeluaran sedia ada kekal kecuali Skim Pelaburan Ahli, di mana ahli hanya dibenarkan untuk melabur dalam dana patuh Syariah yang diluluskan oleh KWSP.

Pelaburan berdasarkan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan prinsip Syariah.



### Simpanan Konvensional

Terbuka kepada semua yang wajib dan layak mencarum tanpa mengira agama, bangsa dan status warganegara.

Tidak tertakluk kepada sebarang akad.

Kadar dividen adalah berdasarkan prestasi sebenar pelaburan konvensional (pelaburan tidak patuh Syariah dan patuh Syariah).

Tidak tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa Penasihat Syariah (JKPS).

Ahli boleh memilih untuk bertukar ke Simpanan Shariah.

Kemudahan pengeluaran sedia ada kekal.

Pelaburan berdasarkan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

## Cara Memohon Untuk Pendaftaran Simpanan Shariah

- ➔ Menghadirkan diri ke mana-mana kaunter KWSP untuk membuat permohonan serta menurunkan cap ibu jari bagi tujuan pengesahan identiti ahli.
- ➔ Bawa bersama MyKad / Passport (Bukan Warganegara Malaysia).

- ➔ Akan dimaklumkan melalui Notis dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh kuat kuasa pilihan.

Tarikh Kuat Kuasa: Akan ditentukan oleh Lembaga KWSP  
Sumber KWSP | Infografik Bernama

# Pelancongan dan Percutian mencatat aduan kelima tertinggi



**P**usat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) telah melaporkan jumlah aduan bagi sektor pelancongan dan percutian yang diterima pada tahun 2015 adalah sebanyak 3,468 aduan, dengan anggaran kerugian melebihi RM13.3 juta. Tiga jenis aduan yang tertinggi melibatkan pembatalan tiket penerbangan (17.6%), tempahan tiket secara dalam talian (12.1%) dan penamatan keahlian (10.7%).

Sektor pelancongan dan percutian adalah sektor yang sangat popular kerana kebanyakan pengguna akan membelanjakan wang untuk perjalanan dan percutian keluarga.

Aduan terhadap pembatalan tiket penerbangan (17.6%) yang sering diterima adalah pembatalan yang dibuat pada saat akhir oleh syarikat penerbangan. Hal ini menyukarkan penumpang yang telah mempunyai jadual kerja, seperti mesyuarat penting yang perlu dihadiri. Hal ini menyebabkan mereka terpaksa menempah tiket penerbangan lain untuk sampai ke destinasi yang dituju. Kebanyakan dasar syarikat-syarikat penerbangan hanya memberi tiket penerbangan pada waktu dan masa yang baharu dan tidak membayar pampasan bagi kerugian yang ditanggung oleh penumpang.

Begitu juga aduan tempahan tiket secara dalam talian (12.1%). Kes ini meningkat sebanyak 4.8% berbanding pada tahun 2014. Kelemahan sistem secara dalam talian oleh syarikat penerbangan menyukarkan pengguna. Akibat daripada gangguan talian, pengguna terpaksa membuat tempahan berulang-ulang dan dikenakan caj berganda. Lebih malang lagi sekiranya tempahan dibuat dengan menggunakan kad kredit.


Penamatan keahlian turut menyumbang kepada 10.7% aduan terhadap sektor pelancongan dan percutian. Pengguna akan ditawarkan dengan kad keahlian oleh syarikat pelancongan. Kad keahlian ini membolehkan pengguna menikmati harga promosi untuk bercuti ke lokasi yang diinginkan. Aduan yang sering diterima oleh NCCC seperti pengadu diminta untuk membayar sejumlah wang kepada syarikat pelancongan, walaupun pengadu telah membatalkan keahlian, namun syarikat mendakwa maklumat pembatalan tidak tertera di dalam sistem. Hal ini menyebabkan nama pengadu telah disenarai hitam. Ini menunjukkan syarikat pelancongan tidak mengemas kini sistem pelanggan mereka.

## Hak Pengguna

Pada 1 Mac 2016, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Penubuhan MAVCOM bertujuan untuk mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan di Malaysia. MAVCOM telah mengumumkan penguatkuasaan Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 pada Julai 2016 di mana hak-hak pengguna perkhidmatan pengangkutan udara jelas termaktub. Sebagai pengguna bijak, anda harus tahu apakah yang harus anda lakukan sekiranya anda mempunyai masalah dengan syarikat penerbangan atau semasa berada di lapangan terbang.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

## Jenis-jenis aduan yang diterima oleh pihak NCCC pada tahun 2015



# KETAHUI HAK ANDA SEBELUM PENERBANGAN



## Harga Tiket

Apabila membeli tiket penerbangan, anda sepatutnya diberi maklumat mengenai kos tiket sepenuhnya, butiran syarikat penerbangan yang mengendalikan penerbangan anda, sebarang perubahan pada butiran penerbangan serta terma dan syarat penuh (T&C). Sila semak T&C tiket anda.



## Tuntutan dan Pampasan

\* Jika beg atau peralatan bantu mobiliti anda tidak sampai dalam penerbangan yang sama atau hilang atau rosak, anda boleh menuntut pampasan daripada syarikat penerbangan anda.



## Caj-caj Penerbangan

Harga tiket tidak boleh dinaikkan setelah pembayaran dibuat dan syarikat penerbangan tidak boleh menambah sebarang perkhidmatan tambahan secara automatik kepada harga tiket tanpa pengetahuan anda. Anda sepatutnya diberi pilihan untuk menambah perkhidmatan tambahan ('opt-in') dan bukannya memilih keluar ('opt-out'). Sila semak pilihan perkhidmatan anda sebelum membuat bayaran.



## Larangan Menaiki Pesawat

\* Anda berhak menerima pampasan jika anda dilarang menaiki pesawat.



## Penundaan dan Pembatalan Penerbangan

\* Anda sepatutnya diberi pampasan jika penerbangan anda mengalami penangguhan melebihi tempoh 2 jam atau jika penerbangan anda dibatalkan.



## Orang Kurang Upaya

Syarikat penerbangan hendaklah menyediakan bantuan bermula dari masa anda tiba di lapangan terbang sehinggalah pelepasan. Sila maklumkan keperluan anda kepada syarikat penerbangan anda sekurang-kurangnya 48 jam sebelum pelepasan.



- Contoh-contoh pampasan adalah dalam bentuk makanan, akses internet, penginapan, pengangkutan, gantian penerbangan atau pemulangan wang tunai. Sila rujuk Kod Perlindungan Pengguna - Jadual Satu di laman web kami ([www.mavcom.my](http://www.mavcom.my)) untuk butiran lanjut

## Kaedah untuk membuat aduan:

**Langkah 1:** Hubungi syarikat penerbangan / operator lapangan terbang jika anda mengalami sebarang isu seperti di atas.

**Langkah 2:** Jika aduan anda tidak diselesaikan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh aduan asal anda, sila kemukakan aduan di <http://www.mavcom.my/bm/pengguna/buat-aduan/>

## 5 perkara yang perlu dilakukan sebelum anda terbang

- ☑ Periksa status perjalanan anda. Bagi rakyat Malaysia, sila lawati <http://sspi2.imi.gov.my/>
- ☑ Ambil gambar dokumen perjalanan sebagai salinan digital di dalam telefon anda dan pastikan pasport anda masih sah laku dalam tempoh 6 bulan atau lebih.
- ☑ Jangan letakkan barangan berharga seperti wang tunai, barangan kemas dan dokumen penting di dalam beg yang anda periksa masuk.
- ☑ Ambil gambar beg anda sebagai rujukan seandainya ia hilang dan letakkan butiran hubungan atau kad perniagaan dalam beg anda.
- ☑ Sertakan butiran anda semasa membuat tempahan untuk memastikan anda menerima maklumat terkini mengenai sebarang perubahan penerbangan.

[www.mavcom.my/pengguna](http://www.mavcom.my/pengguna)



# GANTI TANDATANGAN ANDA DENGAN PIN 6 DIGIT

Memperkenalkan PIN untuk semua kad kredit, debit, caj dan prabayar anda.  
Dengan hanya 6 digit, keselamatan kad anda kini lebih terjamin.

Tukar kepada PIN 6 digit yang lebih selamat.

[www.pinandpay.com.my](http://www.pinandpay.com.my)



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

## Untuk Pemegang Kad Kredit

Kad kredit PIN baharu anda akan dihantar kepada anda sebelum akhir tahun 2016. Apabila anda menerima kad tersebut, sila ikut arahan yang disertakan dengan kad baharu.



### Langkah 1

Aktifkan kad kredit anda dengan serta-merta kerana kad kredit tandatangan lama anda tidak boleh digunakan lagi 3 bulan selepas anda menerima kad kredit PIN baharu anda.



### Langkah 2

Pilih PIN 6 digit untuk kad kredit baharu anda dengan mengikuti arahan yang diberikan oleh pengeluaran kad anda.



### Langkah 3

Anda boleh mula menggunakan kad kredit baharu anda dengan memasukkan PIN 6 digit anda, secara selamat, di terminal pembayaran kad yang memaparkan logo PIN & BAYAR.

## Untuk Pemegang Kad Debit

Pengeluar kad anda akan menghantar kad debit PIN baharu kepada anda, atau anda akan dihubungi untuk mengambilnya dari cawangan bank anda yang terdekat.



### Langkah 1

Aktifkan kad debit anda dengan serta-merta kerana kad debit lama anda tidak boleh digunakan selepas suatu tempoh tertentu.



### Langkah 2

Pilih PIN 6 digit untuk kad debit baharu anda dengan mengikuti arahan yang diberikan oleh pengeluaran kad anda.



### Langkah 3

Anda boleh mula menggunakan kad debit baharu anda dengan memasukkan PIN 6 digit anda, secara selamat, di terminal yang memaparkan logo PIN & BAYAR.



Association of Islamic Banking Institutions Malaysia



**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Memperkenalkan siri aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia

Ke arah  
pengguna  
keuangan yang  
lebih bijak

MyBNM

BNM MyLINK

MyTabung

MyRinggit



Membuat keputusan kewangan bukannya mudah, sama ada anda pelajar, suri rumah, ahli perniagaan atau pekerja. Dengan aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia ini, anda bukan sahaja boleh mendapatkan perkembangan dan maklumat terkini hal-hal kewangan, tetapi juga menggunakan aplikasi untuk merancang dan menguruskan kewangan anda dengan mudah serta menggunakan hak anda sebagai pengguna kewangan.



## MyBNM

Dapatkan maklumat dan pengumuman terkini mengenai hal-hal kewangan di dalam negeri dan peringkat global serta amaran penting kepada pengguna berhubung dengan penipuan kewangan.



## BNM MyLINK

Saluran berkesan yang menghubungkan pengguna dengan institusi kewangan di Malaysia untuk mengemukakan pertanyaan, mendapatkan nasihat dan membuat aduan.



## MyTabung

Aplikasi pemantau belanjawan untuk merancang dan menguruskan kewangan peribadi anda atau isi rumah secara berhemat untuk mencapai matlamat kewangan.



## MyRinggit

Ketahui ciri-ciri keselamatan penting dan teknik untuk membezakan wang kertas Malaysia yang asli dengan yang palsu.

**Tunggu apa lagi? Dapatkan dan muat turun siri aplikasi mudah alih Bank Negara Malaysia ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris secara PERCUMA.**

